

TERMA DAN SYARAT
CABUTAN WOW! SIMPAN SSPN PLUS 2026

KEMPEN

1. PTPTN kembali lagi menganjurkan Kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2026 ("Kempen"), suatu inisiatif istimewa yang dikhususkan kepada pendeposit Simpan SSPN Plus. Kempen ini menawarkan pelbagai kategori cabutan dengan hadiah lumayan berjumlah keseluruhan hampir **RM1 juta**, untuk dimenangi oleh **424 orang pemenang**.
2. Kempen ini adalah sebagai tanda penghargaan PTPTN kepada pendeposit setia yang terus komited memilih Simpan SSPN Plus sebagai pilihan utama untuk simpanan. Terdapat empat (4) cabutan untuk disertai oleh semua pendeposit Simpan SSPN Plus :-
 - a) Cabutan WOW! Plus Siri 1
 - b) Cabutan WOW! Plus Siri 2
 - c) Cabutan WOW! Plus Siri 3
 - d) Cabutan WOW! Plus *Loyalty* 2026

TEMPOH KEMPEN

3. Tempoh Kempen adalah seperti berikut:-

Kategori	Cabutan	Tempoh Kempen
Cabutan WOW! Plus Siri	WOW! Plus Siri 1	1 Januari – 30 April 2026
	WOW! Plus Siri 2	1 Mei – 31 Ogos 2026
	WOW! Plus Siri 3	1 September – 31 Disember 2026
Cabutan WOW! Plus <i>Loyalty</i> 2026		1 Januari – 31 Disember 2026

4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk mengubah, menukar atau meminda tempoh Kempen ini sekiranya perlu, dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pertukaran atau pindaan tersebut melalui pemberitahuan di laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN.

KELAYAKAN UMUM

Cabutan	Kelayakan
Cabutan WOW! Plus Siri	Terbuka kepada pendeposit Simpan SSPN Plus baharu dan sedia ada yang membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh Kempen.
Cabutan WOW! Plus <i>Loyalty</i> 2026	Terbuka kepada pendeposit sedia ada Simpan SSPN Plus yang membuka akaun sehingga 31 Disember 2025 dan membuat penambahan simpanan dalam tempoh Kempen.

5. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

6. **Kelayakan bilangan cabutan**

Cabutan	Simpanan Bersih	Bilangan Cabutan	
		Transaksi Berjaya Melalui Platform Selain myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)	Transaksi Berjaya Melalui myPTPTN / Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)
Cabutan WOW! Plus Siri	RM50 (simpanan + takaful)	5 cabutan	10 cabutan
Cabutan WOW! Plus <i>Loyalty</i> 2026		5 cabutan	10 cabutan

7. Tiada had untuk bilangan cabutan.
8. Pendeposit digalakkan untuk melakukan **transaksi melalui myPTPTN/ Potongan Gaji (PG)/ Debit Terus (DD)** untuk mendapatkan ganjaran **cabutan berganda**.
9. Pendeposit hendaklah **memastikan akaun Simpan SSPN Plus kekal aktif dan tiada tunggakan**.

HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH

10. Pemenang Kempen akan memenangi hadiah berikut:

Hadiah Cabutan WOW! Plus Siri

Setiap kategori Cabutan WOW! Plus Siri menawarkan hadiah berikut:

Pemenang	Hadiah
Utama	Tunai bernilai RM20,000 x 1 pemenang
Kedua	Tunai bernilai RM15,000 x 2 pemenang
Ketiga	Tunai bernilai RM10,000 x 3 pemenang
Saguhati	Tunai bernilai RM500 x 50 pemenang

Hadiah Cabutan WOW! Plus *Loyalty* 2026

Pemenang	Hadiah
Utama	Kereta Honda CR-V 1.5L E x 1 pemenang
Kedua	Kereta Perodua Atila 1.0L Turbo AV x 2 pemenang
Ketiga	Tunai bernilai RM30,000 x 3 pemenang
Saguhati	Tunai bernilai RM1,000 x 250 pemenang

11. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon/ hebahan di laman web rasmi PTPTN atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.
12. Hadiah berupa ganjaran tunai yang dimenangi **akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime** di dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang.
13. Pelarasan **hadiah tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime** pendeposit yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun tersebut, PTPTN berhak untuk membuka akaun Simpan SSPN Prime berdasarkan kepada butiran sedia ada pendeposit di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus.
14. Hadiah berupa ganjaran tunai yang dimenangi oleh pendeposit **TIDAK LAYAK** untuk diambil kira bagi tujuan pengiraan pelepasan taksiran cukai. Pelepasan taksiran cukai yang boleh dituntut adalah mengikut dasar pelepasan taksiran cukai semasa yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

15. PTPTN akan melantik mana-mana syarikat pembekal bagi urusan pembekalan dan penghantaran hadiah yang berbentuk kenderaan kepada pemenang. Kaedah pembekalan dan penghantaran tersebut adalah tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara mutlak PTPTN dari semasa ke semasa.
16. Pemenang dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada PTPTN untuk berkongsi maklumat mereka kepada syarikat pembekal bagi tujuan pembekalan dan penghantaran hadiah dalam bentuk kenderaan.
17. PTPTN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan, sama ada secara nyata atau tersirat berkenaan dengan kualiti dan/atau kesesuaian hadiah, dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana hadiah yang hilang, dicuri, rosak atau cacat disebabkan kecacatan bahan atau pembuatan oleh syarikat pengeluar, sama ada dalam tempoh jaminan atau sebaliknya. Pemenang hendaklah berurusan terus dengan pihak pembekal atau pengeluar bagi maklumat jaminan atau tuntutan (sekiranya ada), tanpa melibatkan PTPTN.
18. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas cukai, kadar, kos insurans atau apa-apa caj lain yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
19. Pemenang hendaklah menanggung semua kos berkaitan tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.
20. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada apa-apa bentuk lain, kecuali yang ditetapkan oleh PTPTN.
21. Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat disediakan atau diperoleh atas apa jua sebab, PTPTN berhak untuk menggantikan hadiah tersebut dengan hadiah yang lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi, dengan memberikan notis sekurang-kurangnya empat (14) belas hari kepada pendeposit yang layak. Kaedah pemberitahuan ini boleh dilakukan secara bertulis, melalui laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan PTPTN.
22. Hadiah hendaklah dituntut oleh pemenang dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang. PTPTN tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tamat tempoh tersebut.
23. Sekiranya pemenang telah meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh pengumuman pemenang.
24. Pemenang atau warisnya dianggap telah melepaskan sebarang hak ke atas hadiah jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.

25. Keputusan pemenang yang dibuat dan diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan dan situasi.

PERUNTUKAN UMUM

26. Untuk menyertai Kempen ini, pendeposit mestilah termasuk di dalam kriteria kelayakan dan memenuhi mekanisme Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh PTPTN, pendeposit tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan Kempen ini.
27. Penyertaan pendeposit di dalam Kempen ini adalah atas risiko pendeposit sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan yang timbul akibat penyertaan tersebut.
28. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis awal melalui laman web rasmi PTPTN/ media massa/ paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN, atau melalui apa-apa kaedah lain yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi apa-apa pernyataan yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengan Kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pendeposit untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
29. Pendeposit adalah dinasihatkan untuk melayari laman web rasmi PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat ini.
30. PTPTN tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau tersalah arah, sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau apa-apa sebab lain.
31. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis sekiranya didapati pendeposit tidak layak atau tidak mengikut Terma dan Syarat yang telah ditetapkan.

32. Segala Terma dan Syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
33. Sekiranya terdapat percanggahan Terma dan Syarat Kempen ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan Kempen ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah yang muktamad. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak PTPTN.
34. PTPTN boleh menggunakan penyertaan pendeposit, termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi, serta nama pendeposit, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia, tanpa sebarang pampasan, dan dalam mana-mana media. Pendeposit hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
35. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir pendeposit mengikut rekod PTPTN dianggap telah diserahkan kepada pendeposit.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh Kempen **Cabutan WOW! Simpan SSPN Plus 2026***

Maklumat dikemas kini pada 27 Januari 2026